



KEUTAMAAN PEMBANGUNAN INSAN DALAM MENGIMBANGI ARUS PEMBANGUNAN NEGARA (The Priority of Human Development to Balance National Development)

¹ MUHAMMAD HILMI JALIL
² FAKHRUL ADABI ABDUL KADIR

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

² Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

ABSTRAK

Usaha pembangunan negara yang di laksana sejak sekian lama telah membuahkan hasil buat Malaysia, malah Malaysia memiliki beberapa mercu tanda besar kebanggaan negara di arena antarabangsa. Walau bagaimanapun isu ketidakseimbangan pembangunan negara memberikan tekanan besar kepada masyarakat Malaysia, justeru isu ini perlu dihadapi dan diberi tindakan supaya keharmonian sebenar dari nikmat pembangunan negara boleh dikecap oleh rakyat Malaysia. Realitinya ketidakseimbangan yang berlaku dalam pembangunan negara adalah ketidakseimbangan di antara pembangunan fizikal negara dan pembangunan rohani masyarakat Malaysia. Artikel ini memberi tumpuan terhadap cabaran semasa pembangunan negara yang dihadapi masyarakat Malaysia khususnya umat Islam, iaitu keperluan mendesak kepada pengukuhan proses pembangunan insan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Untuk mencapai objektif ini, artikel ini mengandungi beberapa bahagian; merangkumi latar belakang pembangunan negara, situasi semasa pembangunan negara, pembangunan dan keseimbangan, pembangunan insan dalam pembangunan negara, penganalisisan elemen akidah, akhlak dan ilmu dalam pembangunan insan dan rumusan. Perbincangan merumuskan situasi semasa yang timbul seiring dengan pembangunan negara menunjukkan bahawa akidah, akhlak mulia dan ilmu merupakan elemen utama yang perlu dikuasai sepenuhnya oleh masyarakat Malaysia. Elemen-elemen ini jugalah yang menjadi tapak asas kepada keseimbangan pembangunan negara.

Kata Kunci: Keseimbangan pembangunan; pembangunan; pembangunan insan.

ABSTRACT

The implementation of national development efforts over the years has paid off for Malaysia, in fact Malaysia possesses several big national landmarks in the international arena. However an imbalance national development issue has given a tremendous pressure to the Malaysian society. Therefore this issue should be handled and taken action, so that the real harmony from the fruit of national development can be enjoyed by the Malaysian people. The existence of the imbalanced national development is due to the imbalance between the national physical development and spiritual development in the Malaysian society. This article focuses on the current national development challenge which has been faced by the Malaysian society especially the Muslims, which is considered as an urgent need to strengthen the process of human development in the Malaysian society. In order to achieve this objective, this article contains several parts which cover the background of the national development, current situation of national development, development and balance, human development in national development, the analysis of the elements of akidah, moral virtue and knowledge in the human development and the conclusion. The discussion in formulating the current situation which arises side by side with the national development shows that the akidah, moral virtue and knowledge is the most important elements which to be fully dominated by the Malaysian society, this element are also regarded as a foundation to the balance national development.

Keywords: *Balance development; development; human development.*

PENDAHULUAN

Topik pembangunan telah menjadi subjek perbincangan sejak sekian lama, dalam masa yang sama usaha pembangunan turut di laksanakan dari masa ke semasa. Usaha-usaha pembangunan yang dirancang menuntut ketekunan dan kegigihan manusia supaya hasilnya mampu dikecapi manusia. Pembangunan yang dirancang dan di laksanakan bertujuan untuk melihat suatu keadaan yang lebih baik dikecapi oleh umat manusia.

Dalam melaksanakan mana-mana usaha pembangunan, ia perlu dirancang dengan teliti supaya hasil yang dikecapi dari pembangunan memberi keseimbangan dalam kehidupan manusia. Kegagalan manusia merencanakan usaha pembangunan dengan baik akan memberi hasil pembangunan yang mungkin merosakkan hidup manusia, menjadikan kehidupan manusia tidak seimbang, dan seterusnya nikmat sebenar dari proses pembangunan yang sepatutnya memberi keharmonian dalam hidup manusia, sukar atau tidak mungkin dikecapi oleh manusia itu sendiri.

Untuk melaksanakan usaha pembangunan, di peringkat awalnya sesebuah negara yang membangun memerlukan contoh dan model yang wajar diikuti; dengan demikian negara-negara yang maju menjadi contoh bagi negara yang membangun. Termasuk

juga Malaysia, usaha pembangunan negara yang di laksana pada hari ini merupakan idea-idea pembangunan yang berasal dari negara-negara maju khususnya dari dunia barat. Pembangunan yang di laksana oleh negara maju menjadi contoh, model, ikutan malah impian bagi negara-negara yang membangun, dengan demikian negara-negara membangun berusaha bersungguh-sungguh demi mencapai taraf pembangunan yang dimiliki negara-negara maju (Wan Mohd. Nor Wan Daud 2001).

LATAR BELAKANG PEMBANGUNAN MALAYSIA

Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, agenda utama negara adalah pembangunan, selama lebih lima puluh tahun, Malaysia telah bersungguh-sungguh melaksanakan berbagai usaha dan berjaya mencapai satu tahap kemajuan yang lebih tinggi serta tahap pencapaian ekonomi yang baik.

Pembangunan fizikal dan ekonomi negara telah mengalami transformasi cemerlang dari negara yang ekonominya berasaskan pertanian dan hasil bumi berubah kepada negara yang sedang melaksanakan proses perindustrian dengan pesat serta sektor perkhidmatan yang besar. Hari ini, Malaysia telah memiliki infrastruktur negara yang setaraf dengan negara maju; simbol global negara atau mercu tanda negara wujud di berbagai lokasi di Malaysia, menara Kuala Lumpur, menara berkembar Petronas, pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang canggih di Putrajaya, kemudahan perhubungan telekomunikasi, laluan darat, air dan udara yang mampu menghubungkan Malaysia dan dunia luar, kesemua pencapaian ini menjadi indikator terhadap pembangunan negara (Abdul Rahman Embong 2007).

Kesemua pencapaian dalam proses pembangunan negara sejak lebih lima puluh, seperti peningkatan infrastruktur serta kemudahan negara yang lebih baik dan pendapatan masyarakat Malaysia yang semakin tinggi, menjelaskan bahawa pencapaian tahap pembangunan negara telah meningkat dari tahap yang lebih rendah kepada tahap yang lebih tinggi. Hasil dari pencapaian tersebut memungkinkan masyarakat Malaysia untuk mengecap hasil nikmat dari usaha pembangunan yang di laksana sekian lama.

SITUASI SEMASA PEMBANGUNAN NEGARA

Masa terus berlalu, Malaysia sentiasa terus ke hadapan melaksana segala usaha pembangunan seperti yang di rencana, dari hari ke hari berbagai pencapaian pembangunan terus dimiliki oleh Malaysia. Walau bagaimanapun, dengan kejayaan mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi, pembangunan di Malaysia hari ini berhadapan dengan isu ketidakseimbangan yang berlaku dalam pembangunan negara. Dengan melihat kepada hasil yang dicapai oleh Malaysia dari usaha pembangunan yang di laksana, ia sememangnya mampu memberi faedah dan kemudahan kepada kehidupan harian

manusia, di mana masyarakat Malaysia sentiasa mengalami perubahan hidup dari satu tahap kepada tahap yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang menikmati hasil pembangunan, telah wujud beberapa fenomena yang membimbangkan dalam kehidupan yang serba membangun, kelihatan pembangunan yang di laksana sejak sekian lama telah menghasilkan ketidakseimbangan pada kehidupan manusia.

Ketidakseimbangan yang berlaku dalam pembangunan Malaysia boleh diterjemahkan melalui beberapa fenomena kehidupan dalam masyarakat. Sebagai contoh, walaupun Malaysia berjaya menghasilkan berbagai teknologi tinggi yang memudahkan manusia melaksana urusan kehidupan harian, tetapi gagal mengawal dari terus berlaku pencemaran, kerosakan dan kemusnahan terhadap alam sekitar; walaupun pada hari ini manusia berjaya membangunkan teknologi maklumat dan komunikasi yang hebat, dan mampu berkomunikasi secara langsung dengan orang yang jauh, tetapi gagal membangunkan ahli masyarakat yang mampu berkomunikasi secara baik dan saling hormat menghormati di antara jiran dan ahli keluarga yang dekat; hari ini juga manusia mampu menghasilkan teknologi bagi memastikan manusia sentiasa cerdas dan sihat, tetapi gagal membangunkan insan yang berakhlak mulia serta menghormati ibu bapa dan sesama manusia; manusia berjaya memiliki pendidikan tinggi tetapi gagal mendidik jiwa dan akhlak insan; manusia berjaya menghasilkan insan yang kaya dan berharta tetapi gagal mendidik jiwa manusia untuk tidak tamak haloba dan sepatutnya sentiasa menghargai malah mensyukuri kekayaan yang ada; lebih besar lagi, manusia mampu menguruskan dunia dengan jaya sehingga terhasilnya berbagai kemajuan tetapi dalam masa yang sama gagal menguruskan matlamat utama hidup di dunia iaitu gagal untuk menguruskan perjalanan ke akhirat (Mohd Yusof Hj. Othman 2009).

Isu ketidakseimbangan dalam proses pembangunan Malaysia pernah diutarakan oleh Abdul Rahman Embong (2007), beliau merasakan terdapat satu kelemahan pokok dalam proses pembangunan negara, di mana telah berlaku ketidakseimbangan dalam proses pembangunan di antara pembangunan material dan bukan-material, pembangunan material telah terbangun dengan teratur dan telah pergi jauh ke hadapan tetapi dalam masa yang sama pembangunan bukan-material tidak terbangun seperti mana pembangunan material atau dengan kata lain, pembangunan berat sebelah yang beliau ungkapkan sebagai pembangunan yang membangunkan *hardware* dan kurang menitikberatkan pembangunan *software*.

Dengan beberapa contoh fenomena yang sedang berlaku dalam kehidupan masyarakat Malaysia di atas, ia memberi peringatan kepada masyarakat bahawa telah berlaku ketidakseimbangan dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian segala usaha pembangunan negara perlu kepada perancangan dan pelaksanaan usaha pembangunan yang seimbang.

PEMBANGUNAN DAN KESEIMBANGAN

Isu-isu tentang pembangunan yang tidak seimbang telah menarik perhatian ramai sarjana untuk menyelesaikan masalah tersebut. Mereka ini datang dari latar belakang yang berbeza sama ada dari Timur dan juga Barat. Salah seorang sarjana yang memberikan respons adalah Danah Zohar (2001), beliau sedar bahawa manusia ketika ini berada dalam keadaan pincang di mana beliau melihat manusia sedang hidup dalam keadaan yang serba canggih sebenarnya sedang mengalami satu krisis yang beliau sebut sebagai krisis makna. Dengan kesedaran ini beliau cuba menyelesaikan masalah kemanusiaan melalui keseimbangan di antara proses pembangunan fizikal dan pembangunan manusia. Oleh yang demikian, beliau telah melakukan penelitian terhadap permasalahan pembangunan manusia dengan memberikan penumpuan terhadap aspek kerohanian manusia (Danah Zohar & Ian Marshall 2005).

Selain itu, Harry R. Lewis (2007) seorang bekas pelajar dan selepas itu menjadi profesor di Universiti Harvard, beliau berpandangan bahawa Universiti Harvard telah berjaya menghasilkan graduan cemerlang dalam berbagai bidang ilmu, dan mereka ini akan terus memainkan peranan dalam membangunkan negara. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat graduan yang sememangnya hebat dari sudut akademiknya, tidak mampu untuk melaksana peranannya dengan baik dalam mengurus negara kerana mereka gagal menentukan makna dalam kehidupan. Dengan demikian sumbangan mereka kepada pembangunan negara hanya menjurus kepada pembangunan fizikal semata-mata tanpa mengambil kira pertimbangan kemanusiaan. Menurut hemat beliau, situasi ini perlu diperbaiki supaya wujud pembangunan yang harmoni dalam sesebuah negara.

Fenomena ketidakseimbangan dalam pembangunan yang berlaku pada masa ini sesuai dengan keluhan yang diutarakan oleh Capra (1983), di mana beliau pernah menyifatkan suasana kemanusiaan dan kemajuan hari ini sebagai terlalu mementingkan rasional dan intelek manusia dan bersifat berat sebelah serta sudah sampai kepada puncak bahaya yang melampaui batas keinsanan. Dengan peringatan yang diutarakan oleh beliau, pembangunan yang dilaksanakan perlu dicapai setinggi yang mungkin untuk memberi manfaat kepada semua manusia dalam masa yang sama, mana-mana usaha pembangunan yang di laksana perlulah mempunyai batas-batas yang tertentu supaya menjamin kelestarian proses pembangunan tersebut. Batas dan limit diperlukan dalam usaha pembangunan bertujuan supaya proses pembangunan yang di laksana benar-benar memberi manfaat kepada seluruh penghuni di dalam alam ini.

Gejala buruk yang berlaku akibat dari ketidakseimbangan dalam proses pembangunan berpunca dari manusia itu sendiri. Manusia yang berperanan sebagai pentadbir alam yang merencana dan melaksana semua proses pembangunan, sama ada hasilnya baik atau tidak, bergantung pada manusia itu sendiri. Dalam mengurus tadbir alam manusia perlu mengambil panduan dan bimbingan dari pencipta alam itu iaitu Allah SWT, kesan dari membelakangkan panduan dan bimbingan dari pencipta alam akan menjadikan manusia

hilang pedoman untuk mengurus tadbir seterusnya membangunkan alam dengan baik (Mohd. Kamal Hassan 1988).

Manusia sebagai pelaksana proses pembangunan alam perlu melaksanakan proses pembangunan yang sentiasa menghasilkan kesejahteraan terhadap manusia. Seluruh usaha pembangunan sama ada dari sisi sains, ekonomi, sosial dan sebagainya dirancang dan di laksana oleh manusia, maka usaha pembangunan tersebut perlulah mempunyai matlamat akhir yang akan memberi kesejahteraan dan manfaat hidup manusia (Abdul Rahman Embong 2003). Malah bukan setakat itu sahaja usaha pembangunan tersebut juga semestinya akan memberi manfaat kepada seluruh penghuni alam selain manusia tanpa menimbulkan kerosakan, keburukan atau kebinasaan kepada mana-mana makhluk yang hidup dalam alam ini. Seandainya sesuatu usaha pembangunan yang akan di laksana akan menghasilkan lebih banyak kesan buruk dari kesan baik kepada mana-mana penghuni alam, usaha tersebut perlu dibatalkan demi kelestarian dan keseimbangan alam (Zulkifli Hj. Yusoff 2004).

Untuk memastikan sesebuah proses pembangunan yang di laksana berada dalam keadaan seimbang, Syed Hussein Alatas (2002) mengutarakan lima ciri yang perlu ada dalam proses pembangunan tersebut. Ciri pertama pembangunan yang dilaksanakan mestilah bersifat insani, iaitu pembangunan yang akhirnya memberi manfaat kepada seluruh manusia. Ciri kedua setiap proses pembangunan mestilah dilaksanakan dan direncanakan oleh pemimpin yang adil dan jujur, iaitu pemimpin yang benar-benar ingin melaksanakan pembangunan, bukannya mempunyai agenda selain pembangunan. Ciri ketiga kefahaman dan kesedaran tentang pembangunan mesti wujud dalam kalangan masyarakat. Ciri keempat usaha pembangunan mesti berlandaskan ilmu. Kelima mesti wujud elemen estetik dalam setiap usaha pembangunan.

Oleh yang demikian, keseimbangan sesebuah proses pembangunan memerlukan pelaksanaan usaha pembangunan yang di peringkat akhirnya akan menghasilkan manfaat dan kebaikan kepada manusia serta seluruh hidupan dan isi alam. Untuk memastikan usaha pembangunan benar-benar dirancang dan terlaksana dengan matlamat yang sedemikian, terlebih dahulu perlu diberi perhatian terhadap aspek pembangunan terhadap makhluk yang akan membangunkan alam. Usaha tersebut dikenali sebagai pembangunan insan, ia perlu dibangunkan dengan cara yang betul, supaya nantinya setelah terbangun peribadi insan tersebut, ia akan membangunkan alam ini ke arah manfaat dan kesejahteraan seluruh penghuni alam.

PEMBANGUNAN INSAN DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Untuk melaksana pembangunan negara, insan atau manusia memainkan peranan yang sangat penting, dalam masa yang sama matlamat akhir pembangunan adalah untuk kebaikan manusia itu sendiri. Dengan demikian usaha pembangunan insan merupakan teras bagi proses pembangunan. Pembangunan insan ditakrifkan oleh Abdul Rahman

Embong (2007) dengan maksud memperkasa insan sebagai individu dan sebagai anggota kelompok komuniti.

Mohd. Nasir Omar (2006) berpendapat kejadian insan terdiri dari dua aspek iaitu aspek fizikal dan juga aspek kerohanian. Oleh yang demikian kedua-dua aspek ini perlu dipelihara dan dibangunkan dengan seimbang supaya insan tersebut selamat di dunia sehingga hari akhirat. Kedua-dua aspek ini jugalah yang akan menentukan sama ada usaha pembangunan yang dilaksana benar-benar terlaksana dengan seimbang dan baik atau pun sebaliknya. Matlamat utama kepada usaha pembangunan insan adalah menjadikan manusia beroleh manfaat dan kebaikan hasil dari usaha-usaha tersebut. Manfaat dan kebaikan tersebut hanya benar-benar akan tercapai jika berpaksikan kepada keredaan Allah SWT, segala usaha pembangunan yang dilaksanakan hanyalah menjadi alat untuk mendapatkan keredaan Allah (Muhammad Syukri Salleh 2003).

Hasil yang dikehendaki dari pelaksanaan usaha pembangunan insan adalah dapat dibentuk insan atau manusia yang layak menjadi ahli masyarakat yang mampu melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik supaya mereka dapat sama-sama membangunkan masyarakat dan negara kepada tahap yang lebih baik (Ab Aziz bin Mohd Zin 2010).

Oleh yang demikian, langkah awal yang perlu di laksana terlebih dahulu dalam melaksana mana-mana usaha pembangunan negara adalah membangunkan insan yang akan melaksana pembangunan negara. Insan merupakan pelaksana bagi usaha pembangunan dan dalam masa yang sama ia menjadi objek atau bahan untuk dibangunkan. Selain itu usaha pembangunan insan yang dilaksanakan mestilah seimbang di antara aspek fizikal dan rohani insan. Justeru, dengan melakukan proses membangunkan insan, proses pembangunan negara akan berlaku dengan seimbang di antara fizikal dan rohani atau dengan istilah lainnya berlaku keseimbangan di antara pembangunan *hardware* dan *software*.

Untuk memastikan proses pembangunan insan terlaksana dengan komprehensif, terdapat banyak aspek yang perlu diambil kira dan dilaksanakan. Walau bagaimanapun tiga elemen asas yang menjadi titik tolak kepada pembangunan insan yang komprehensif adalah elemen akidah, akhlak dan ilmu. Dengan terbinanya insan yang memiliki akidah yang mantap, berakhlak mulia dan memiliki ilmu yang tinggi akan memandu insan tersebut melaksana proses pembangunan dengan seimbang dan baik (Mohd. Kamal Hassan 1988).

ELEMEN AKIDAH, AKHLAK DAN ILMU SEBAGAI ASAS PEMBANGUNAN SEIMBANG

Proses pembangunan insan memerlukan diri seseorang itu diisi dengan elemen-elemen asas yang akan membimbing seseorang supaya sentiasa terus berada dalam keadaan

baik. Oleh yang demikian, al-Banna (1992) menjelaskan bahawa sepuluh elemen pembangunan insan perlu ada dalam diri seseorang, elemen tersebut adalah elemen tubuh badan yang sihat, berakhlak mulia, berilmu tinggi, berdikari, memiliki akidah yang sahih, melaksanakan ibadah dengan betul, dapat mengawal diri, mengurus waktu, berdisiplin melaksanakan urusan dan elemen menyumbang bakti kepada masyarakat.

Walau bagaimanapun, berpandukan kepada keutamaan semasa, elemen akidah, akhlak dan ilmu merupakan elemen kritikal yang perlu diisi dalam diri seseorang supaya proses pembangunan negara secara keseluruhannya terbangun dengan seimbang dan bersepadu. (Mohd. Kamal Hassan 1988).

Istilah akidah berasal dari perkataan Arab yang bermaksud “simpulan tali” atau “janji setia” yang menunjukkan ianya adalah suatu perkara yang bersifat yakin tanpa syak dan ragu, kuat, kukuh dan tidak akan berubah (Muhammad bin Abi Bakr al-Razi t.th). Secara istilah, akidah adalah kepercayaan dan keyakinan yang ada pada diri seseorang, dengan kata lain akidah adalah keimanan seseorang terhadap sesuatu perkara yang dipegang (Sayyid Sabiq 2000).

Akidah yang tulen akan wujud dalam diri seseorang apabila ia memiliki empat inti pati berikut, pertama akidah terbina berasaskan kebenaran wahyu dari Allah SWT; kedua akidah tersebut mestilah benar-benar kukuh, yakin dan mantap, tidak ada keraguan atau syak terhadap akidah tersebut, akidah itu juga tidak akan berubah walau dalam keadaan apa sekalipun dan akan terus kekal kukuh; ketiga keyakinan terhadap akidah itu mestilah disusuli dengan ketaatan, keredhaan dan pelaksanaan terhadap segala suruhan dan larangan Allah SWT tanpa sebarang bantahan; dan yang keempat akidah itu mampu menjadi penggerak utama pemilikinya untuk melaksanakan segala tindakan atau tingkahlaku, malah ia akan bersungguh-sungguh seluruh jiwa raga dan harta benda untuk melaksanakan segala apa yang terkandung dalam akidahnya (Yusuf al-Qaradawi 1973).

Akidah yang tulen terdiri dari tiga perkara asas yang perlu diimani oleh setiap Muslim, pertama berkaitan dengan keimanan terhadap ketuhanan Allah SWT melalui sifat-sifat Allah, nama-nama Allah dan segala yang berkaitan dengan zat Allah Allah SWT, kedua berkaitan keimanan terhadap seluruh nabi dan rasul Allah, malaikat dan kitab Allah SWT, ketiga berkaitan keimanan terhadap perkara *sam‘iyyat* dan *ghaybiyyat* seperti persoalan syurga, neraka, dosa, pahala, hari kiamat, qada, qadar dan lain-lain (Muhammad al-Khatib & Muhammad ‘Awad al-Hazayimah 1996).

Akidah yang sahih hanya terbentuk berasaskan kepada sumber-sumber yang sahih sahaja, iaitu dari al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Akidah yang berasaskan sunnah Rasulullah SAW mestilah datang dari sumber sunnah yang sahih sahaja dan sunnah yang *da‘if* tidak boleh menjadi sumber kepada akidah Islam (Muhammad Samir al-Shawi 2009). Akidah yang telah dibentuk tidak akan berubah-ubah dalam apa keadaan sekalipun walaupun telah berlaku perubahan masa dan tempat (Sayyid Sabiq 2000).

Seseorang insan yang memiliki akidah yang benar akan mempercayai, memahami dan meyakini bahawa seluruh alam ini termasuk bumi dan manusia sendiri merupakan makhluk ciptaan Allah SWT. Ia perlu dimanfaatkan sebaik mungkin, alam juga merupakan tanda dan bukti kewujudan, kekuasaan dan kebijaksanaan Allah SWT. Selain itu segala kewujudan dalam alam ini wujud secara teratur mengikut hukum-hukum yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian segala tingkah laku manusia perlulah sentiasa selari dan berada dalam kerangka hukum alam yang ditetapkan oleh penciptanya Allah SWT, segala hasil pembangunan semestinya akan membawa manusia kepada ketakwaan kepada Allah SWT (Mohd. Kamal Hassan 1988).

Dalam konteks mengurus tadbir pembangunan alam, insan yang memiliki akidah yang benar akan menterjemahkan keimanannya kepada Allah melalui segala aspek dalam kehidupannya, termasuk juga dalam konteks melaksana usaha pembangunan negara. Dengan demikian usaha pembangunan negara yang di laksana akan sentiasa di laksana semata-mata dalam keadaan yang diredai oleh pencipta alam iaitu Allah SWT. Hasilnya setiap apa sahaja usaha pembangunan yang akan di laksana, akan menjurus kepada pelaksanaan yang harmoni, seimbang dan sebaiknya kerana itulah tuntutan dari Allah SWT. Jika usaha pembangunan tersebut di laksana secara sebaliknya menandakan ia telah menyalahi dari tuntutan Allah SWT. Hal yang demikian ini tidak sepatutnya berlaku pada diri setiap insan yang memiliki, memahami dan mempercayai akidah yang sah.

Justeru, akidah yang sah merupakan syarat dan pencetus utama dalam membangunkan insan. Acuan kepada usaha pembangunan insan dibentuk berdasarkan akidah yang sah, tanpa akidah yang sah seseorang itu tidak akan mampu membangunkan dirinya, malah hanya dengan memiliki akidah yang sah sahaja akan menentukan diri seseorang benar-benar terbangun dengan betul serta dijamin keselamatan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Oleh yang demikian, dengan kesedaran bahawa pembangunan yang ada pada hari ini melahirkan natijah yang tidak seimbang di antara pembangunan fizikal dan rohani, seperti mana krisis moral dan akidah yang berlaku dalam negara. Ia merupakan hasil dari pembangunan yang tidak seimbang. Hal yang demikian ini akan terus membebani negara dan dalam masa yang sama memberitahu bahawa kehausan insan terhadap elemen akidah sudah berada dalam keadaan yang teruk. Justeru sudah tentunya elemen akidah yang benar ini perlu diterap dan dimiliki oleh setiap insan supaya dengan demikian setiap ahli masyarakat yang memiliki akidah yang benar ini mampu membangunkan dirinya terlebih dahulu dan seterusnya membangunkan negaranya dengan baik.

Elemen akhlak mulia juga merupakan elemen asas yang menjadi panduan ke arah pembangunan yang seimbang. Akhlak mulia merupakan teladan yang terbina dari wahyu untuk menyusun kehidupan manusia kepada bentuk yang paling sempurna, teladan ini berfungsi sebagai panduan kepada manusia untuk melaksanakan segala tingkah lakunya dalam segenap aspek kehidupan (Miqdad Yaljin 1973).

Seseorang insan yang memiliki akhlak mulia mesti memiliki watak dan bertingkah laku seperti mana yang bergaris panduan oleh al-Quran dan teladan Nabi SAW. Malah keutuhan akhlak itu hanya akan terlaksana apabila ia melaksanakan akhlak tersebut secara konsisten dan tidak berubah atau bercampur-campur dengan kelakuan yang buruk. Dengan memiliki akhlak mulia, individu tersebut hanya akan berkelakuan dengan kelakuan dan sifat yang baik dan sama sekali akan menjauhi kelakuan dan sifat yang buruk ('Afif 'Abd al-Fattah Tabbarah t.th).

Akhlak mulia terangkum dalam dua aspek kehidupan manusia, iaitu aspek luaran fizikal manusia dan aspek kedua adalah aspek dalaman diri manusia. Aspek akhlak dalaman diri manusia menjadi fokus utama dalam proses mencapai akhlak mulia. Penentuan kepada pemilikan seseorang kepada akhlak mulia bermula dengan akhlak dalaman dirinya, di mana jika aspek akhlak dalaman diri seseorang telah benar-benar bertingkah laku dengan baik, barulah ia mudah untuk konsisten dengan tingkah laku luarnya yang berakhlak baik (Abd Jalil Borham 2008).

Aspek akhlak fizikal luaran manusia memerlukan individu tersebut bertingkah laku dengan akhlak yang baik dalam segenap aspek kehidupan hariannya. Sebagai contoh ketika bercakap perlulah bercakap dengan baik dan kata-kata benar, bercakap dengan nada suara yang tidak tinggi, tidak menekan suara dan sesuai dengan suasana ketika bercakap, jika berjalan tidak berjalan dengan terlalu cepat atau terlalu lambat, jika bergaul dengan orang lain hendaklah bergaul dengan penuh berbudi pekerti, apabila berjanji sentiasa menunaikan janji, tidak berlaku sombong, tidak berlaku boros, tolong menolong, berlaku adil, malah termasuk juga dalam berakhlak mulia dengan mengurus penampilan diri dengan baik seperti sentiasa menyisir rambut, memakai pakaian yang bersih, baik dan kemas (Miqdad Yaljin 1973).

Manakala aspek akhlak dalaman diri manusia adalah tingkah laku yang tidak dilakukan oleh anggota badan manusia dan tidak boleh digarap dengan pancaindera manusia, sebaliknya ia dilaksanakan melalui hati manusia. Sebagai contoh apabila ditimpa musibah dan ujian Allah SWT perlu sentiasa dengan sifat sabar, tidak berlaku sombong, '*ujub*, dan *riya*', sentiasa ikhlas dalam setiap perbuatan, tidak berlaku hasad dan dengki, bersangka baik dan tidak bersangka buruk, berkasih sayang, sentiasa reda, *qana'ah* dan lain-lain (Abd Jalil Borham 2008).

Untuk mengubah watak dan tingkah laku buruk dalam diri seseorang kepada akhlak mulia, 'Abd al-Karim Zaydan (1992) berpendapat perubahan ini boleh berlaku melalui tiga bentuk latihan secara bersepadu. Pertama, berusaha mengurangkan sifat buruk yang hendak diubah serta cuba sedaya upaya untuk mengurangkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan sifat buruk tersebut. Kedua membersihkan serta menghapuskan sifat-sifat keji dan dalam masa yang sama mesti mengarahkan dirinya kepada akhlak yang baik dan ketiga menggantikan sifat dan tingkahlaku buruk dan dengan akhlak yang baik seperti menggantikan bercakap bohong dengan bercakap benar, menggantikan zalim

dengan adil, menggantikan khianat dengan amanah dan lain-lain sifat keji kepada akhlak yang baik.

Justeru akhlak mulia merupakan elemen yang sangat diperlukan oleh setiap individu dalam membangunkan diri mereka, nilai-nilai akhlak mulia yang ditunjukkan melalui teladan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW menjadi model unggul ke arah pembangunan insan sempurna. Dengan model akhlak mulia ini, hubungan baik dan harmoni akan sentiasa wujud di antara manusia dengan pencipta (Allah SWT), manusia sesama manusia dan manusia dengan alam seluruhnya.

Dalam konteks keseimbangan proses pembangunan negara, keruntuhan akhlak yang berlaku dalam masyarakat merupakan penyakit yang perlu diubati dengan sepenuhnya supaya nanti pembangunan yang terlaksana benar-benar seimbang dan harmoni tanpa gejala buruk yang akan menyekat keseimbangan pembangunan negara. Demi kesejahteraan pembangunan negara, negara semestinya memerlukan ahli masyarakat yang mempunyai dan sentiasa berkelakuan dengan akhlak yang mulia, ketidakseimbangan yang berlaku dalam usaha pembangunan negara seperti berlakunya gejala keruntuhan akhlak, sikap tamak haloba, rasuah dan sebagainya akan dapat dikekang seterusnya dihapuskan jika setiap ahli masyarakat sentiasa menghayati dan sentiasa berakhlak mulia.

Elemen akhlak mulia ini akan mencakupi seluruh aspek kehidupan insan sama ada aspek ekonomi, sosial, perundangan, sains, politik, pentadbiran dan sebagainya. Oleh yang demikian dengan terjelmanya akhlak mulia dalam segenap aspek kehidupan insan, ia akan mengawal segala tingkah laku insan supaya sentiasa bertingkah laku dengan akhlak yang baik. Maka proses pembangunan yang terlaksana akan terlaksana dalam keadaan yang seimbang dan mampu memberi manfaat dan kesejahteraan kepada seluruh alam.

Elemen ilmu juga merupakan asas yang diperlukan untuk membangunkan insan. Dengan wujudnya ilmu akan menjadikan diri seseorang berjaya dan terbangun sebaliknya dengan faktor ketiadaan ilmu juga akan menjadikan diri seseorang itu lemah, jatuh dan hina (Wan Mohd. Nor Wan Daud 1989). Ilmu seperti yang dijelaskan oleh al-Attas (1978) sebagai “ketibaan suatu makna hasil dari maklumat yang benar ke dalam diri insan”, melalui takrif ini menjelaskan bahawa untuk memiliki ilmu seseorang itu perlu memiliki maklumat yang benar sahaja dan maklumat yang benar itu mestilah bermakna kepada diri insan yang menerima maklumat tersebut. Jika maklumat tersebut tidak benar ataupun tidak mampu memberikan makna kepada insan tersebut, maklumat tersebut bukanlah ilmu.

Tahap pemilikan ilmu seseorang akan membezakan dirinya dengan orang lain. Lebih tinggi ilmu seseorang akan meletakkan diri pada tempat yang lebih tinggi, malah dengan ketinggian ilmunya akan menjadikan dirinya beroleh lebih manfaat dalam proses membangunkan diri dan masyarakatnya (Mohd Yusof Othman 1998). Mohd. Kamal

Hassan (1988) menerangkan bahawa tujuan utama memiliki ilmu yang tinggi adalah untuk menjadi hamba Allah SWT yang bertakwa, salih serta taat pada perintah Allah dan tidak melanggar peraturan Allah SWT. Ianya bukan sekadar untuk memperkayakan diri dengan ilmu dan maklumat.

Kesan dari memiliki ilmu yang tinggi dengan penghayatan kepada tujuan utama menuntut ilmu supaya menjadi hamba Allah yang salih akan menghasilkan insan yang kaya dengan ilmu dan pengetahuan serta mampu menggunakan ilmunya untuk mengurus tadbir alam ini dengan baik, adil dan penuh beradab (al-Attas 2007).

Ketinggian ilmu yang dimiliki oleh manusia, jika dibandingkan dengan keluasan ilmu penciptaan Allah SWT, pemilikan ilmu manusia adalah amat sedikit berbanding ilmu yang dimiliki Allah. Insan yang berilmu tinggi yang sedar, faham dan menghayati hakikat ketinggian ilmu Allah SWT tidak akan berlaku sombong dengan ketinggian ilmu yang dimiliki. Ini kerana ia sedar bahawa ilmu yang dimiliki itu adalah pemberian dari Allah SWT dan ketinggian ilmu yang dimilikinya hanyalah serpihan dari keluasan ilmu yang dimiliki oleh Allah SWT. Insan yang terbangun dengan paksi kefahaman yang sebegini akan menyumbangkan faedah dan fungsi ketinggian ilmunya untuk manfaat umat manusia sebagai tanda penghargaan dan kesyukuran terhadap pemberian ilmu dari Allah SWT kepadanya (Zakaria Stapa 2011).

Oleh yang demikian, dengan memiliki ilmu yang tinggi dan cukup barulah seseorang itu bersedia dan mampu untuk melaksana tugasnya sebagai pentadbir alam dan memanfaatkan segala nikmat Tuhan dalam alam ini, untuk manusia itu sendiri serta semua makhluk yang lain. Begitulah sebaliknya, jika insan yang sepatutnya berfungsi sebagai pentadbir alam tidak memiliki ilmu yang cukup atau tidak mengamalkan aktiviti dan budaya menuntut ilmu, tugas dan amanah untuk mentadbir dan membangunkan alam tidak akan mampu dilaksanakan dan jauh sekali untuk menyempurnakan tugas tersebut. Tanpa ilmu juga, usaha mengurus tadbir dan membangunkan alam akan menjadi kelam-kabut dan akan menghasilkan natijah pembangunan yang tidak seimbang.

Justeru, dalam proses pembangunan negara, ilmu merupakan salah satu dari elemen utama yang perlu dimiliki oleh insan sebelum melaksana tanggungjawab membangunkan negara. Ilmu ini akan menjadi bekalan kepada insan yang akan mengurus tadbir dan membangunkan negara, tidak kira sama ada pembangunan tersebut merupakan pembangunan fizikal ataupun rohani, ilmu tetap diperlukan. Tanpa ilmu yang cukup pembangunan tidak mungkin akan terbangun dengan harmoni dan sempurna. Ilmu perlu dicari sebanyak-banyaknya, setelah ditimba ilmu setinggi yang mungkin, menguasai berbagai macam bidang ilmu dan diadun ilmu-ilmu yang telah ditimba dengan bijaksana, usaha untuk melaksana pembangunan negara akan terlaksana dengan baik dan cemerlang.

RUMUSAN

Dengan huraian di atas, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa untuk memastikan pembangunan negara terbangun dengan seimbang, perlu terlebih dahulu dibangunkan ahli masyarakat yang hidup dalam negara, yang mana ahli masyarakat inilah yang akan melaksanakan tanggungjawab membangunkan negara. Dengan wujudnya tiga elemen utama dalam diri setiap ahli masyarakat iaitu elemen akidah yang benar, berakhlak mulia dan mempunyai ilmu yang tinggi, segala gerak kerja ke arah membangun negara akan sentiasa terlaksana dengan dipandu oleh tiga elemen tersebut. Dengan keutuhan akidah, kemuliaan akhlak dan ketinggian ilmu yang dimiliki oleh ahli masyarakat, ia akan menjadi paksi kepada usaha pembangunan negara, dengan demikian akan menjamin natijah pembangunan yang seimbang di antara fizikal dan rohani yang akhirnya akan mewujudkan sebuah peradaban manusia yang berkualiti tinggi serta mampu memberikan manfaat dan kesejahteraan kepada seluruh alam.

Adapun elemen-elemen lain yang diperlukan dalam proses pembangunan negara, seperti elemen penguasaan teknologi, pengurusan dan lain-lain dengan sendirinya akan timbul kesedaran untuk mengusahakan tanggungjawab tersebut dengan gigih dan bersungguh-sungguh oleh masyarakat yang sudah kukuh akidah, akhlak dan ilmu dalam dirinya. Ini kerana dengan kekuatan akidah, akhlak dan ilmu itu sendiri akan mendorong ahli masyarakat untuk terus maju dan membangun dalam berbagai sisi kehidupan.

Untuk merealisasikan matlamat ini bukanlah suatu perkara yang mudah. Ia menuntut kegigihan, kesungguhan dan komitmen yang tinggi terhadap perancangan dan gerak kerja besar. Walau bagaimanapun, ia bukanlah suatu perkara yang mustahil dan sememangnya mampu untuk dicapai. Pengajaran dan teladan dari sejarah tamadun Islam terdahulu telah membuktikan elemen akidah, akhlak mulia dan ilmu pengetahuan mampu diterapkan dalam kehidupan masyarakat dan menjadi asas kepada pembangunan negara yang seimbang.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana memberi sokongan dalam bentuk kewangan kepada penulis untuk menjalankan penyelidikan dan menerbitkan makalah ini di bawah projek penyelidikan “*Fundamental Research Grant Scheme*” (FRGS), kod penyelidikan: FRGS/2/2013/SSI03/UKM//1.

RUJUKAN

- Ab Aziz bin Mohd Zin. 2010. *Pembangunan Insan Melalui Pemeraksanaan Dakwah*. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor et al. (pnyt.). *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- ‘Abd al-Karim Zaydan. 1992. *Usul al-Da‘wah*. Misr: Dar al-Wafa’.
- Abd Jalil Borham. 2008. *Asas Pembangunan Modal Insan*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Abdul Rahman Embong. 2003. *Pembangunan dan Kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan Abad ke-21*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. 2007. *Pembangunan Negara Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Afif ‘Abd al-Fattah Tabbarah. t.th. *Ruh al-Din al-Islamiyy*. Bayrut: Dar al-Ilm li al-Malayin.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- al-Banna, Hasan. 1992. *Majmu‘ah Rasa’il al-Imam al-Shahid Hasan al-Banna*. Al-Qahirah: Dar al-Tawzi‘ wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Capra, F. 1983. *The Turnung Points*. London: Flamingo.
- Danah Zohar & Ian Marshall. 2005. *Spiritual Capital: Wealth We Can Live By*. London: Bloomsbury Publishing Plc.
- Danah Zohar & Ian Marshall. 2001. *SQ: Spiritual Intelligence The Ultimate Intelligence*. London: Bloomsbury Publishing Plc.
- Harry, R. Lewis. 2007. *Excellence Without A Soul: Does Liberal Education Have a Future?*. New York: Public Affair.
- Miqdad Yaljin. 1973. *al-Ittijah al-Akhlaqi fi al-Islam (Dirasah Muqaranah)*. Misr: Maktabah al-Khanji.